

TK Along Segar dan TK Awing Tebai,
Ba Nyakit Sungai Rutuh,
Ulu Limbang,
Limbang,
C/o Lot 1046, Shang Garden Shoplot,
Jln. Bulan Sabit,
98000, Miri,
Sarawak.

Tarikh: 24hb. Februari, 2006.

Pesuruhjaya,
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)
Tingkat 29, Menara Tuan Razak,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

**MELALUI
FAKS DAN KURIER**

Tuan,

**Masalah Pembalakkan dalam kawasan Tanah Hak Adat Bumiputra Kaum Penan,
Ulu Limbang.**

Kami selaku Ketua Kaum, Kaum Penan nomadik dikawasan Ba Nyakit dan Long Pusit,
Sungai Rutuh, Ulu Limbang, Sarawak ingin merujuk perkara tersebut diatas.

Untuk pengetahuan tuan, kami telah menduduki dan menggunakan kawasan Ba Nyakit,
Sungai Rutuh, Ulu Limbang sejak turun temurun dan justeru itu kami mempunyai hak
keatas kawasan ini walaupun kami tidak bercucuk tanam tetapi hanya bergantung kepada
tanah, hasil hutan dan sungai yang terdapat didalam kawasan ini.

Sekarang ini terdapat banyak kompeni telah menceroboh masuk kawasan ini untuk tujuan
pembalakkan. Sejak pencerobohan ini berlaku, kami mendapat sumber makanan harian
kami semakin berkekurangan. Semua anak-anak sungai menjadi keroh dan tidak dapat
diminum atau diguna untuk memasak. Binatang buruan dan hasil hutan seperti rotan,
sago dan lain-lain pun hilang dan pupus.

Kami telah beberapa kali merayu kepada kompeni-kompeni terbabit supaya kawasan ini
tidak di balakkan atau tidak dikacau tetapi permintaan kami semuanya tidak di pedulikan.
Mereka sering mengatakan bahawa pihak kerajaan yang menyuruh mereka bekerja
dikawasan kami tersebut.

Dengan pembalakkan yang begitu berleluasa dan kehidupan yang hanya bergantung
kepada tanah dan hasil hutan, kami merasa sangat susah dan sukar untuk mencari
makanan harian kami dan juga untuk meneruskan kehidupan.

Kami juga tidak diberitahu oleh kompeni-kompeni terbabit yang apakah-